

**Parlimen tolak soalan tentang anak Rosmah
MalaysiaKini.com
Mar 12, 2014**

Tindakan Dewan Rakyat yang menolak menjawab soalan tentang kemampuan anak tiri perdana menteri membiayai filem *The Wolf of Wall Street* menandakan Dewan Rakyat mengakui laporan-laporan berkenaan, kata MP Segambut, Lim Lip Eng.

Lim berkata, soalnya kepada perdana menteri tentang filem AS\$100 juta itu ditolak Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Rosmee Hamzah melalui surat bertarikh 7 Mac 2014.

Ia, menurutnya lagi, diajukan bersama soalan tentang pembelian kondominium berharga AS\$33.5 juta di New York dan hartanah berharga AS\$17.5 juta di Hollywood oleh Riza Shahriz Abdul Aziz.

"Seolah-olahnya parlimen mengiktiraf ketiga-tiga laporan tentang Riza Aziz ini (sebagai) berasas sebab parlimen tidak menafikan apa-apa pun," katanya pada sidang media di lobi Parlimen pagi ini.

Salinan yang didakwa sebagai surat dari setiausaha dewan itu meminta Lip Eng agar "mengarahkan soalan kepada menteri-menteri berkenaan dengan hal-hal yang dalam jawatan mereka".

Mengulas perkara ini, Lip Eng berkata beliau akan mengolah semula soalnya itu dan akan cuba mengajukannya kepada menteri kewangan atau menteri komunikasi dan multimedia, walaupun beliau kurang pasti siapa menteri yang dimaksudkan Rosmee.

"Saya akan mengolahnya semula dan mengajukannya kepada menteri kewangan atau menteri komunikasi yang bertanggung jawab terhadap hal-hal wayang ini," katanya lagi.